

BAGAIMANA MALAYSIA MENDAPAT NAMA? ANALISIS TERHADAP PENERBITAN KEPUSTAKAAN ABAD KE-19

Hamdan Aziz
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
Tel: +6017-9156434 Email: hamdan.aziz@umt.edu.my

Hafiz Zakariya
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Tel: +6012-6133283 Email: hafizz@iium.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini cuba merungkaikan penggunaan nama “Malaysia” yang digunakan secara meluas dalam kalangan penjelajah Asiatic Barat terutama pada abad ke-19. Justeru bagi merungkai persoalan ini, maka analisis kepustakaan dilakukan terhadap akhbar, buku, risalah serta penerbitan lain yang diterbitkan sepanjang tahun 1831 sehingga tahun 1900. Justeru hasil perbincangan dari penerbitan ini akan dianalisis dan deskriptifkan terutama yang berkaitan dengan penggunaan nama Malaysia. Umumnya kedatangan penjelajah ke sebelah Asia telah melahirkan nama Malaysia yang bermaksud “tanah Orang Melayu di sebelah Asia”. Konsep Malaysia yang digunakan penjelajah pula bukanlah merujuk kepada struktur politik moden hari ini namun ia merujuk kepada suatu kawasan (geografikal) yang menjadi tumpuan dalam kalangan penjelajah Asiatic bagi memudahkan mereka menjarah sesuatu kawasan. Hasil kajian mendapati nama Malaysia telah digunakan buat pertama kali pada tahun 1832 oleh D’Urville, seorang penjelajah Perancis apabila beliau menggunakan istilah *Malaisie* (Malaysia) bagi membahagikan kawasan di lautan Pasifik dalam usaha pembahagian kawasan sesama kuasa Barat. Pada tahun 1835 seorang penjelajah British, Bradford menggunakan istilah Malaysia. Dalam pada itu kumpulan penjelajah Barat yang datang bergerak seiring dengan agenda kolonialisme dan orientalisme yang mana didokong oleh kumpulan agamawan khususnya gerakan Methodist Episcopal Church (MEC). Dapatkan daripada pembentangan kertas kerja ini boleh dijadikan panduan kepada penduduk pelbagai kaum di Malaysia.

Kata kunci: Malaysia, Asiatic, *Methodist Episcopal Church* (MEC), siaran akhbar

1. Pengenalan

Sekalipun Tunku Abdul Rahman menzahirkan hasrat pembentukan Malaysia pada 27 Mei 1961 di Hotel Adelphi, Singapura, namun nama “Malaysia” telahpun digunakan hampir dua abad sebelum itu terutama dalam kalangan penjelajah Asiatic dan missionari Kristian aliran Methodist Episcopal. Nama Malaysia digunakan berdasarkan konsep geografikal yang mencakupi Kepulauan Melayu yang memberi maksud tanah orang Melayu di sebelah Asia. Malaysia juga sinonim dengan istilah Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*), Nusantara, *Oceania*, *Far East*, *Pasific Ocean*, *Far Pasific*, *East India*, *Eastern India*, *Indian Archipelago*, *Eastern Archipelago*, *Indonesian Archipelago*, *Philiphine Archipelago*, *Micronesia*, *Melanesia*, *Polynesia* dan *Austronesia*. Perkataan “Malaysia” digunakan buat pertama kali dalam bahasa Perancis iaitu *Malaisie* pada tahun 1832 disusuli dengan nama Malaysia (Bahasa Inggeris, 1835), Malasia (Sepanyol), Malasia (Portugis), Malesia (Itali) dan Maleisie (Belanda).

2. Metodologi kajian

Kajian kertas kerja ini bersifat kualitatif iaitu analisis dokumen serta analisis kandungan terhadap penerbitan seperti siaran akhbar, buku, risalah serta penerbitan lain yang diterbitkan antara tahun 1831 sehingga tahun 1900. Setelah dijalankan analisis dipersembahkan dalam bentuk deskriptif bagi memberikan gambaran terhadap tajuk kajian.

3. Perbincangan

3.1 Bagaimana Malaysia Mendapat Nama? Analisis Terhadap Penerbitan Kepustakaan Abad ke-19-Geografikal Malaysia Berdasarkan Penjelajah Asiatic

Perkataan Malaysia disebut pertama kali oleh penjelajah Perancis, Jules Dumont d'Urville melalui siaran rencana pada tahun 1832 berjudul "Sur les iles du Grand Ocean" (*On the Island of The Great Ocean*) yang diterbitkan oleh *Bulletin de la Societe de Geographie* menggunakan istilah *Malaisie* bagi merujuk nama Malaysia. Sekalipun diterbitkan di Paris pada tahun 1832, makalah setebal 21 halaman ditulis dan disiapkan pada 27 Disember 1831. Berdasarkan tulisan, d'Urville mencadangkan supaya Lautan Pasifik Selatan dinamakan *Ocenia* yang kemudian dibahagikan kepada *Polynesia*, *Melanesia*, *Micronesia* dan *Malaisie*. Antara catatan d'Urville:

"...we leave him the name of Malaysia, already employed by some authors, and we think that the initiative is due to Mr. Lesson... spread also on the southern coast of Asia, on the islands of the Indian Ocean, on the islands of Malaysia, and even on Oceania ... " (Bulletin de la societe de Geographie, No 105, Janvier 1832).

Perkataan *Malaisie* kemudian dipopularkan Thomas G. Bradford sebagai "Malaysia", seorang ahli geografi Amerika Syarikat pada tahun 1835 setelah tersiarnya artikel bertajuk *An Abridgment of Universal Geography, Modern and Ancient: Chiefly Compiled from the Abrege de Geographie of Adrian Balbi*. Buku diterbitkan di New York oleh Freeman Hunt, Co. boleh disifatkan sebagai *masterpiece* dalam menghuraikan kedudukan Malaysia apabila beliau menyatakan Malaysia ialah sebuah negara orang Melayu (*Country of the Malays*). Beliau menyatakan:

Malaysia or Indian Archipelago-Malaysia or the Country of the Malays, comprises a great number of islands, separated from Asia by the Straits of Malacca and the Chinese Sea, and extending from 120 S to 21o N. Lat., and from 95 to 134, E. London. (Bradford, T.G, 1835).

Pada tahun 1836, sebuah buku bertajuk *Oceania Ou Cinqieme Partie Du Mond: Revue Geographique Et Ethnographique De La Malaisie, De La Micronesie, De La Polynesie Et De Melanesie* oleh M.G.L. Domeny De Rienzi mengenengahkan lokasi berkaitan Malaysia. Catatan ini diperincikan lagi dengan kedudukan peta yang membahagikan kawasan tersebut dalam konteks Oceania. Lakaran peta mengenai Malaysia boleh dikatakan antara yang terawal mengenai lokasi Malaysia (De Rienzi, 1836). Catatan Rienzi diterbitkan hanya selepas empat tahun daripada tulisan D'Urville pada 1832.

Pada tahun 1846, terdapat sebuah makalah bertajuk *Universal Pronouncing Gazetteer* ditulis oleh Thomas Baldwin menerangkan terperinci mengenai nama Malaysia, iaitu;

Malaisia, mal-a/-she-a, (Fr. Malaisie, ma-la-ze,) or the Malay Archipelago, called also the Indian, and sometimes the Eastern Archipelago, the most western and most important of the three great division of Oceania, is situated between 12 S. and 21 N. Lat., and 95 and 133 E. London (Thomas Baldwin, 1846).

Melalui kenyataan Baldwin penggunaan nama Malaysia berkisar kepada kehidupan Orang Melayu di sebelah Asia. Tulisan Baldwin tidak konsisten apabila menggunakan nama *Malaisia* atau *Malashea* sedangkan Bradford telahpun menggunakan nama Malaysia secara konsisten satu dekad sebelum itu.

Sementara itu sebuah buku yang diterbitkan bertajuk *Voyage en Chine, Cochinchine Indi'et Malaisie* oleh Auguste Haussmann pada tahun 1847. Buku mengaitkan alam Melayu yang terletak di timur India dinamakan *Malaisie* (Malaysia). Beliau sempat belayar ke Cochin untuk urusan perniagaan candu serta meninjau peluang perniagaan di rantau itu (Auguste Haussmann, 1847). Pada tahun 1887, sebuah buku diterbitkan oleh Alfred R. Wallace bertajuk *Stanford's Copenidium of Geography and travel*, di London oleh Edward Stanford yang mengaitkan Malaysia dan wilayah Filipina. Dalam kolum yang bertajuk "Malaysia", pengarang mengaitkan Malaysia adalah kawasan bagi penduduk Melayu (Alfred R. Wallace, 1879).

Pada tahun 1892, sebuah buku bertajuk *In Savage Isles and Settled Lands: Malaysia, Australasia, and Polynesia* diterbitkan oleh Baden Fletcher Smyth Baden-Powell Publisher R. Bentley and Son (Baden-Powell, 1892). Buku yang lebih tertumpu membincangkan kegiatan sosioekonomi penduduk yang rata-rata miskin dan daif. Kebanyakan penduduk yang lemah diseksploitasi golongan berada. Buku ini mengasingkan antara Malaysia dengan Borneo iaitu hanya memasukkan Jawa, Sumatra, Singapura, Straits Settlement dan Johor.

Pada tahun 1889, sebuah buku bertajuk *Geographical Notes in Malaysia and Asia* diterbitkan di Sydney oleh F. Cunninghame & Co., berdasarkan pengalaman Woods, Julian Tenison sepanjang keberadaan beliau di Malaysia antara tahun 1832-1889. Buku yang dikategorikan sebagai *Malaysian Essay* menjurus kepada aspek geografikal kerana menjelaskan kedudukan Malaysia dalam aspek sosiologi, antropologi, sosioekonomi, budaya. Pahang, sebuah negeri disifatkan dalam Malaysia, dicatatkan sebagaimana berikut;

Pahang. On the east side of the Malay Peninsula my travels were more restricted, for the states in this portion of Malaysia are poorly populated and but little known (Woods, Julian Tenison, 1889).

Pada tahun 1889, sebuah buku bertajuk *Imperial Democracy: Dutch Colonizers in Malaysia, Annexation of the Philippines* oleh John J. Valentine pada 18 February 1889. Buku ini menjelaskan geografikal Indonesia adalah termasuk dalam lingkungan Malaysia. Lebih jelas bahawa penguasaan Belanda di Ambon, Borneo, Celebes, Sumatera dan Jawa juga berada dalam kawasan Malaysia. Oleh kerana persaingan kuasa-kuasa Barat terutama Belanda di Indonesia dan Amerika Syarikat di Filipina, Belanda berhujah penguasaan dalam konteks Malaysia yang sinonim dengan rumpun Melayu beragama Islam sebaliknya Filipina majoritinya beragama Kristian. Dalam kandungan buku dicatatkan sebagaimana berikut:


The history of Netherlands India—the Dutch Colonies in Malaysia—is a light and shadow picture... (John J. Valentine, 1889).

3.2 Malaysia berdasarkan lakaran peta


Umumnya Malaysia adalah kawasan (geografikal) yang sinonim dengan Kepulauan Melayu merujuk kepada kawasan Sumatra, Tanah Java, Tanah Melayu, Singapura, Kemboja, Siam, Burma, Brunei, Timor dan Filipina. Kepulauan Melayu dikatakan mencecah dua juta kilometer persegi dengan lebih daripada 25,000 pulau-pulau di dalamnya. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan sebuah peta yang dilakar oleh Alexander Keith Johnston F.R.G.S pada tahun 1845 yang bertajuk *Southeastern Peninsula and Malaysia* dimuatkan di dalam buku *National Atlas of Historical, Commercial and Political Geography*. Malaysia merujuk kepada kaum Melayu di Kepulauan Asia yang mempunyai kuasa dominan dan juga peneroka pertama di Tanah Melayu:

“... the group (the Malay peninsula and the Malay Archipelago) has been named Malaysia from the Malays who are the dominant race in the archipelago...”

Terdapat lakaran peta abad ke 19 menggunakan nama Malaysia. Melalui Bahagian 2 buku ini, kedudukan Filipina yang turut digambarkan sebagai Malaysia. Hal ini tentunya berkait rapat dengan kepesatan perkembangan agama Kristian di negara tersebut berbanding di tempat-tempat lain di Malaysia. Lakaran peta sebagaimana di bawah;



Peta 1: Lakaran peta peringkat terawal yang menggunakan nama Malaysia melalui buku *Light in the East: India, Malaysia, the Philippines, 1900*



Peta 2: Malesia ossia Arcipelago Indiano, ed India-Transgangetica. - David Rumsey Historical Map Collection_files

Dalam pada itu peta dalam koleksi David Rumsey Historical Map Collection Record bertarikh 1848 turut mencatatkan mengenai lokasi Malaysia.

3.3 Gerakan Missionari Methodist Episcopal Church (MEC)

Gerakan MEC bermula pada Disember 1874 di Baltimore, Maryland, United States setelah bertindak keluar daripada gereja aliran utama di England. MEC berakhir pada 1939 setelah bergabung dengan Methodist Church dengan keahlian berjumlah 4.4 juta orang. Antara penerbitan awal oleh MEC yang menyebut nama Malaysia setelah terbit buku bertajuk *The Claims of Japan and Malaysia upon Christendom* yang diterbitkan di New York pada tahun 1839. Buku ini berbeza dengan sebelum kerana tidak lagi membicarakan aspek geografikal tetapi memberikan tumpuan kepada gerakan missionari Kristian beraliran MEC ke seluruh rantau Asia Tenggara termasuk ke Taiwan, China dan Jepun (King, C.W., 1839).

Melalui buku ini jelas memperlihatkan betapa Malaysia adalah sebagai kawasan Alam Melayu yang bermula daripada Pulau Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu, Selatan Thailand, Kepulauan Borneo, Jawa bahkan sehingga ke negara Filipina yang menjadi tumpuan aktiviti MEC. Pada 1887, sebuah buku bertajuk *Yesterday and to-day in Malaysia Missions* diterbitkan di Boston oleh MEC khususnya oleh Woman's Foreign Missionary Society. Buku ini sarat dengan maklumat perkembangan dakwah MEC terutama untuk kawasan di Malaysia.

Pada tahun 1892, sebuah buku bertajuk *in savage isles and settled lands: Malaysia, Australasia and Polynesia, 1888-1891* yang mana intipati berkaitan dengan MEC diterbitkan oleh Baden Fletcher Smyth Baden-Powell Publisher R. Bentley and son (Baden-Powel, 1891).

Pada tahun 1892, sebuah buku MEC bertajuk *A Winter in India and Malaysia among the Methodist Missions* diterbitkan oleh Rey. M. Y. B. Knox. Buku ini diterbitkan di New York oleh Hunt & Baton, Cincinnati: Cranston & Stow menggambarkan komitmen yang diberikan Pastor Dr. Knox dalam usaha menyampaikan seruan Kristian kepada penduduk Malaysia sekalipun pada musim sejuk yang sepatutnya mereka berada di tanah air. Hampir 80 peratus buku ini menjelaskan kegiatan MEC yang berpusat di India manakala di Malaysia lokasi yang dirujuk hanyalah di Pulau Pinang dan Singapura (Knox. M. Y. B., 1889).

Selain itu buku MEC yang bertajuk *India and Malaysia* ditulis oleh Bishop J.M Thoburn diterbitkan di New York pada tahun 1892 (Denyes, J.R., 1900). Buku ini menggambarkan pengalaman Thoburn dalam usaha pengembangan Kristian selama 33 tahun dalam lingkaran kawasan Malaysia. Buku ini menjelaskan konsep geografikal Malaysia ketika itu meliputi Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Jawa, Borneo, Sulawesi, Filipina serta Kepulauan Maluku. Thoburn mengaitkan aspek kependudukan di Malaysia iaitu didominasi orang Melayu selaku penduduk asal yang mana kebanyakan mereka menetap di Semenanjung Tanah Melayu serta Pulau Borneo. Manakala orang Jawa kebanyakan menetap di Pulau Jawa serta pulau-pulau bersebelahan. Sementara itu majoriti orang Bugis menetap di Sulawesi manakala Tagalas menetap di Selatan Filipina. Bahasa pertuturan penduduk Malaysia ketika itu keseluruhan dianggarkan mempunyai 57 jenis bahasa. Berdasarkan pengamatan Thoburn, nama Malaysia telahpun digunakan secara berleluasa beberapa dekad sebelum penerbitan buku. Kenyataan Thoburn boleh dilihat pada halaman 483, sebagaimana berikut:

The name Malaysia is not often found in standard geographies, and I can remember having seen it only once on a map (Thoburn, J.M., 1892).

Thoburn mencatatkan Malaysia adalah sebuah rantau yang tidak mempunyai sempadan negara atau politik yang jelas untuk memisahkan antara negara. Namun terdapat usaha untuk memberikan nama yang difikirkan sesuai bagi rantau Melayu mengikut persepsi tersendiri. Sekalipun Tanah Melayu adalah istilah yang sering digunakan untuk rantau ini tetapi bagi penjelajah *Asiatic* yang menetap di rantau ini serta beramal gamasi secara bebas dengan penduduk peribumi khususnya orang Melayu. Hal ini menyebabkan kalimah Malaysia menjadi lebih sesuai digunakan bagi merujuk kawasan orang Melayu di sebelah Asia. Lebih lanjut beliau mengulas;

The Malays inhabit, or at least are the predominant race in, the Malay Peninsula, Sumatra, Java, Borneo, Celebes, the Philippines, and part of the Moluccas; and these islands, together with the peninsula, which is itself practically an island, constitute Malaysia proper (Thoburn, J.M., 1892).

Sebuah buku gerakan MEC berkaitan Epworth League yang bertajuk *A Manual of the Epworth League in India and Malaysia* diterbitkan pada tahun 1896 khusus untuk persatuan anak muda yang dimulakan semenjak 15 Mei 1889 di Ohio, Amerika Syarikat (*A Manual of the Epworth League in India and Malaysia, 1896*).

Pada tahun 1900, buku mengenai gerakan MEC dipergiatkan penerbitan oleh Thoburn dan Francis Wesley Warne. Antaranya *Light in the East: India, Malaysia, the Philippines* (Thoburn J.M., & Warne, F.W, 1900). Tidak lama buku bertajuk *Malaysia: [up-to-date facts]* diterbitkan oleh Board of Foreign Missions bersama-sama dengan Department of Foreign Evangelism Publication di New York City (*Malaysia: [up-to-date facts], 1900*). Buku yang diterbitkan oleh MEC menjelaskan hala tuju misionari Kristian yang mahu menjadikan Kristian sebagai agama dominan di Malaysia.

Dalam pada itu sebuah risalah kecil berkaitan dengan Kristian diterbitkan oleh Methodist Episcopal yang secara khusus untuk wanita berkaitan dengan pengajaran Kristian. Buku bertajuk *Yesterday and today in Malaysia* diterbitkan oleh Woman's Foreign Missionary Society yang berpangkalan di Boston. Mesyuarat Rasmi ke-8 Persidangan Mission Malaysia bagi Persidangan MEC yang diadakan di Singapore pada 17-22 Februari 1900. Presiden pertubuhan ialah Bishop J. M. Thoburn manakala setiausaha ialah Fred. H. Morgan. Risalah ini diterbitkan di Singapore serta dicetak di American Mission Press. Methodism (*Yesterday and today in Malaysia, 1900*).

Pada tahun yang sama, sebuah buku gerakan missiniori Kristian diterbitkan yang bertajuk *The Malaysia Mission of the Methodist Episcopal Church* by Denyes, John Russell berhubung peranan Thoburn dalam MEC. Buku ini menjelaskan Malaysia adalah

“... tanah air bagi orang Melayu yang berkulit sawo matang, menjalar di Asia Tenggara antara China dan India dan Australia. Ia mencakupi Semenanjung Tanah Melayu manakala Sumatera sebesar Iowa, Missouri dan Arkansas di Amerika Syarikat manakala Jawa sebesar saiz New York, Celebes, Borneo, hampir empat kali ganda lebih besar Illinois; dan semua beratus-ratus pulau kecil dan yang lebih kecil yang kelihatan begitu penting di atas peta tetapi yang sebenarnya adalah negara yang mampu menyokong populasi yang besar. Kepulauan Filipina betul-betul menjadi sebahagian daripada Malaysia. New Guinea dan pulau-pulau yang terletak di sebelah timurnya. Kepunyaan Polynesia daripada Malaysia; menaiki hingga tujuh ratus ribu batu persegi, satu wilayah

bersamaan dengan seperlima dari kawasan Amerika Syarikat. Kebanyakan negara ini adalah pergunungan. Di Sumatera dan Jawa dan di banyak pulau kecil terdapat gunung berapi aktif dan negara-negara ini tertakluk kepada gempa bumi yang kerap dan ganas. Manakala iklim adalah panas dan lembab. Termometer iklim berdiri kira-kira sembilan puluh degree di bawah naungan sepanjang tahun (Denyes, J.R.1900).

Sementara itu gereja MEC melalui buku yang berjudul *Malaysian New Testament* 1878 menyebut orang Melayu di sebelah Asia iaitu sebagai *Malaysian* (orang Malaysia) (*Malaysian New Testament* 1878).

Nama Malaysia Dalam Siaran Akhbar

Nama Malaysia juga dapat dikesan melalui penerbitan beberapa akhbar Melalui akhbar ini bertarikh 9 September 1851 jelas menyebut nama Malaysia melalui tajuk *Commercial Relations with the Oriental World*. Akhbar ini mencatatkan Malaysia bukanlah merujuk kepada sebuah negara bangsa tetapi berkaitan dengan lokasi Alam Melayu. Jika penubuhan negara bangsa di ambil kira, penjajahan Belanda di Indonesia, Amerika Syarikat dan Sepanyol di Filipina tentunya menggunakan terma Malaysia. Namun apa yang berlaku sebaliknya kerana terma yang digunakan mirip kepada alam persekitaran iaitu merangkumi Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu, Selatan Thailand, Borneo, Sulu/ Filipina serta Indonesia. Keterangan lanjut:

Malaysia may be considered under five divisions, namely 1. The Philippines Islands of which Sulu and Mindanao are principal, 2. The Molucas, the principal of which are Gilolo, Ceram, and Amboyna. 3. Celebes. 4. Borneo, the largest Island in the world, except Australia, and Greenland. 5. The Sunda Islands, the principal of which are Timor, Java, Banca, and Sumatra (The Straits Times, 9 September 1851, 6).

Sementara itu akhbar *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, bertarikh 9 Disember 1853, halaman 5 menyiarkan artikel bertajuk *America: Captain Gibson and Dutch Authorities of Batavia* yang menerima laporan daripada *Weekly Herald* bertarikh 5 Oktober 1853, berkaitan dengan Malaysia. Dalam pada itu akhbar *The Straits Times*, 13 Disember 1853, halaman 7 mengulang siar artikel yang sama. Dalam pada itu akhbar *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser* bertarikh 17 April 1856 menyiarkan artikel berkaitan aktiviti missionari MEC di Malaysia.

Akhbar *The Straits Times* menyebut mengenai Malaysia melalui artikel yang bertajuk *The Aborigines of The Peninsula*, 12 September 1863, halaman 2. Akhbar antara lain menyiarkan:

“The Malayan Peninsula or Malaysia, known vaguely in accient times under the name of the golden Chersonesus, is situated at the southern ectremity of India, beyond the Ganges; in that part of Asia called Indo China. This peninsula extends from the 1st to the 11th lat. North it is connected with the continent by the isthmus of Kraw, about thirty leagues in breath. The breath of the Peninsula itself, in its widest part, is from 45 to 50 leagues; its length is from 250 to 260 leagues. On the confines of Asia and Oceania, it joins India to China”

Dalam pada itu penerbitan akhbar ini secara terus menggunakan perkataan Malaysia termasuk di ruangan pengiklanan sekalipun ruangan tersebut tidak menggunakan sebarang tajuk. Antaranya siaran akhbar *The Straits Times* bertarikh 2 Mac 1883 bertajuk *The Land of The Sun*. Dalam akhbar yang sama di bawah kolum *Advertisements Column* bertarikh 19 Mac 1883, halaman 3, *A Few Weeks with the Malays. IV. [Article]* turut membicarakan mengenai Malaysia. Akhbar sama bertarikh 6 Jun

1883, *Column 4*, halaman. 2, bertarikh 7 Jun 1883, *Column 3*, halaman 2, 9 Jun 1883, *Column 1*, halaman. 3, 11 Jun 1883, *Column 2*, halaman 3, 14 Jun 1883, *Column 1*, halaman 3, 11 Jun 1883, *Column 2*, halaman 3, 14 Jun 1883, *Untitled* [Article] halaman 2. Dalam pada itu akhbar sama bertarikh 17 September 1883 menyebut:

“.... we have received from Mr. John Haffenden, the Agent for Malaysia of the British and Foreign Bible Society, a report of the work done during the first half of the present year...”

Akhbar yang sama bertajuk *Explorations in the East* [Article] halaman 3, 4 Mac 1886. *The British and Foreign Bible Society* [Article] halaman 3, 29 Oktober 1886. *The First Society Meeting in the Malay Peninsula* [Article] halaman 3, 10 November 1886. *The Defences of Singapore*. [Article] halaman 2, 9 July 1887. *The Pahang Gold Mines* [Article] halaman 3, 11 June 1886.

Akhbar *The British North Borneo Herald* (BNBH) bertarikh 1 Januari 1889 dalam laporan bertajuk *Geographical Notes in Malaysia and Asia* oleh J.E. Tenison-Woods, mengenai catatan perjalanannya ke Semenanjung Tanah Melayu, Labuan, Brunei, Sandakan dan Sulu.

Melalui akhbar *The Straits Times*, penggunaan nama Malaysia secara berterusan sebagaimana; *The Fisheries of the Far East* [Article], halaman 3, 18 Januari 1889. *An Australian Colonist in Malaysia* [Article] halaman 3, 22 Januari 1889. *As Others See Us*, [Article] halaman 2, 24 Januari 1889. *A Fortnight in the Native States* [Article] halaman 3, 9 Julai 1889, *Malaysian Essays No. 4*. [Article] halaman 3, 7 September 1889, *A new Port for Perak* [Article] halaman 2, 16 October 1889, *Presbyterian Missions in Malaysia* [Article] halaman 3, 13 November 1889. *The Sub-Division of Malaysia* [Article] halaman 2, 29 Mei 1890, *Railway Making in Malaysia* [Article] halaman 3, 11 Ogos 1890. *Malaysia Methodist Conference*, [Article] halaman 3, 11 Februari 1892, *The Future of Malaysia* [Article] halaman 3, 23 Mei 1892, *The Gutta Percha Manufacturing Company, Limited*, [Article] halaman 2, 10 November 1892. *A Missionary Statement*, [Article] halaman 3, 5 April 1893. *Penang Views About Trade and Ports*. [Article] halaman 3, 28 April 1893, *Netherlands India*, [Article] halaman 3, 2 Disember 1893. *Untitled* [Article] halaman 2, 19 Disember 1893, *Descriptive Dictionary of British Malaysia* [Article] halaman 3, 2 Jun 1894. Pada tahun 1895, *Untitled* [Article] halaman 2, Times 22 April 1895. *Chutney* [Article] halaman 5, 15 Jun 1895. *Singapore Municipal Crisis* [Article] halaman 3, 13 Julai 1895, *Burmah and Its Future* [Article] halaman 2, 18 September 1895, *Long Shore And Nautical Chat* [Article] halaman 3, 2 November 1895, *Chutney* [Article] halaman 4, 14 Disember 1895.

Pada tahun 1896; *A New Steamship Service*. [Article] halaman 2, 25 Februari 1896, *Chinese And Tamils* [Article] halaman 3, 8 Jun 1896, *Proselytising In Mission Schools* [Article] halaman 3, 7 Ogos 1896. *The Malay States* [Article] halaman 3, 25 November 1896. Pada tahun 1897, *Local Industries* [Article], halaman 3, 8 Januari 1897, *The Soldiers' Home* [Article] halaman 2, 10 Ogos 1897. *Mission News* [Article] halaman 2, 6 Oktober 1897. *The Governor And Racing* [Article] halaman 3, 3 November 1897. *Untitled* [Article] halaman 2, 16 Disember 1897. *A Corner of The Jungle in Malaysia* [Article] halaman 3, 20 Januari 1898, *The Methodist Conference* [Article] halaman 2, 14 Februari 1898. *The Methodist Conference* [Article] halaman 3, 24 Februari 1900. *The Position in Brunei* [Article] halaman 2, 7 Julai 1900, *The Methodist Conference* [Article] halaman 3, 24 Februari 1900.

4. Kesimpulan

Berdasarkan penelitian terhadap sumber kepustakaan yang diperoleh melalui laman sesawang pada abad ke-19 terutama daripada penerbitan buku, akhbar serta siaran Methodist Episcopal Church (MEC) didapati bahawa nama Malaysia telahpun digunakan secara meluas sebelum Tunku Abdul Rahman menyebutnya pada tahun 1961. Ini kerana D'Urville individu terawal yang menggunakan nama Malaysia (Malaisie) pada tahun 1832 apabila beliau membahagikan kawasan Oceania kepada Malaysia, Melanesia, Micronesia dan Polynesia. Istilah ini kemudian dipopularkan oleh Bradford dan Rienzi pada tahun 1835 dengan menggunakan dalam Bahasa Inggeris iaitu Malaysia. Sekalipun tujuan utama kedatangan Barat adalah bersifat orientalisme dan kolonialisme, namun tafsiran Malaysia pada abad ke-19 adalah bersifat geografikal dan bukannya bersifat politik atau negara bangsa. Dengan kata lain, kumpulan yang datang ke Malaysia adalah kawasan tempat tinggal orang Melayu di sebelah Asia.

5. Penghargaan

Setinggi penghargaan kepada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kerana memberi kebenaran kepada Dr Hamdan Aziz untuk menjalani cuti Sabatikal bermula 1 Februari 2024 sehingga 31 Oktober 2024 yang mana tajuk kertas kerja ini adalah sebahagian dari tajuk penyelidikan yang dijalankan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) .

6. Rujukan

- A Manual of the Epworth League in India and Malaysia. 1896 by Epworth League (U.S.), Lucknow: Methodist Publishing House.
- Alfred R. Wallace. (1879). *Stanford's Cependium of Geography and travel*. London: Edward Stanford.
- Auguste Haussmann. (1847). *Voyage en Chine, Cochinchine Indi'et Malaisie, Delege Commercial, Tomes Troisieme*. Paris: G. Oliver, Editeur, Chez Sagnier Et Bray Libraires.
- B.F.S. Baden-Powell. (1892). In *Savage Isles and Settled Lands: Malaysia, Australasia and Polynesia, 1888-London: Richard Bentley and Son*.
- Baden Fletcher Smyth Baden-Powel. (1891). in *savage isles and settled lands: Malaysia, Australasia and Polynesia, 1888-1891, London, Publisher R. Bentley and son*.
- Bradford, T.G, (1835). *An Abridgment of Universal Geography, Modern and Ancient: Chiefly Compiled from the Abrege de Geographie of Adrian Balbi*. New York: Freeman Hunt, Co.
- Bulletin de la societe de Geographie, No 105, Janvier 1832, Premire Section, Sur Les Iles Du Grand Ocean, Paris, Chez Arthur Bertrand, Libraire de la societe de Geographie, Rue Hutefeuille.
- De Rienzi, M. L.D., (1836). *L'Univers: Histoire Et Description De Tours Les Peuples, Oceanie Ou Cinquieme Parte Du Monde, Tome Premier*, Paris: Firmin Didot Fretes, p. 22,29, 40.
- Denyes, J.R., (1900). *The Malaysia Mission of The Methodist Episcopal Church*. New York: The Open-Door Emergency Commission Missionary Society of The Methodist Episcopal Church.
- Denyes, J.R. (1900). *The Malaysia Mission of the Methodist Episcopal Church*. New York: Open Door Emergency Commission Missionary Society of The Methodist Episcopal Church
- John J. Valentine. (1889). *Imperial Democracy: Dutch Colonizers in Malaysia, Annexation of the Philippines*, San Francisco.
- King, C.W..(1839). *The Claims of Japan and Malaysia upon Christendom*. New York,
- Knox. M. Y. B.. (1889). *A winter in India and Malaysia among the Methodist Missions*. New York: Hunt & Baton, Cincinnati: Cranston & Stow.

- Malaysia: [up-to-date facts]. (1900). *Methodist Episcopal Church*. New York: Board of Foreign Missions & Department of Foreign Evangelism Publication.
- The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 17 April 1856, 4.
- The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 9 Disember 1853, 5 “America: Captain Gibson and Dutch Authorities of Batavia”.
- The Straits Times, 12 September 1863, 2. “The Aborigines of The Peninsula”
- The Straits Times, 13 Disember 1853, 7
- The Straits Times, 19 March 1883, 3 “A Few Weeks with the Malays”
- The Straits Times, 4 Mac 1886, 3 “Explorations in the East”.
- The Straits Times, 9 September 1851, 6. “Commercial Relations with the Oriental World”.
- The Straits Times. (Mac 1883). 3 “The Land of The Sun”.
- Thoburn J.M., & Warne, F.W., (1900). *Light in the East: India, Malaysia, the Philippines*, Chicago: Missionary Campn.
- Thoburn, J.M.. (1892). *India and Malaysia*. New York: Cranston & Curts.
- Thomas Baldwin. (1846). *Universal Pronouncing Gazetteer, Third Edition*. Philadelphia: Lindsay & Blakiston.
- Woods, Julian Tenison. (1889). *Geographical Notes in Malaysia and Asia 1832-1889*. Sydney: F. Cunninghame & Co.
- Woods, Julian Tenison. (1889). *Geographical Notes in Malaysia and Asia 1832-1889*. Sydney: F. Cunninghame & Co.
- Yesterday and today in Malaysia, Woman's Foreign Missionary Society, Boston: Woman's Foreign Missionary Society